



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PELANCARAN DAN SESI PENGUNDIAN  
UNIT RUMAWIP KONDOMINIUM KIARA KASIH**

**20 MAC 2018 (SELASA) | 11.00 PAGI  
KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT KIARA**

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

***(Senarai Salutsasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)***

**Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan,**  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz,**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa,**  
Pengerusi UEM Sunrise Berhad

**Yang Berusaha Encik Anwar Syahrin Abdul Ajib,**  
Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise Berhad

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,**

**Rakan-Rakan Media,**

**YBhg. Datuk Seri, Datuk- Datuk ,Tuan-tuan, Puan-Puan dan seterusnya  
bakal Pembeli-Pembeli RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih yang  
dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Unit Kondominium Kiara Kasih pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Syarikat UEM Sunrise Berhad kerana sudi menjemput saya untuk

merasmikan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Unit pada pagi ini.

3. Di sini saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa bangga saya dengan pencapaian dan usaha UEM Sunrise dalam melaksanakan serta menyokong penuh inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dengan pembangunan RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih ini.
4. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, projek ini merupakan projek RUMAWIP yang pertama dilancarkan oleh pihak pemaju ini dan merupakan projek RUMAWIP pertama yang dibuka permohonan di kawasan Parlimen Segambut.
5. Pihak pemaju melalui syarikat pembinaannya Lembah Suria Sdn Bhd telah komited untuk membangunkan sebanyak 719 unit RUMAWIP berketinggian 39 tingkat di atas tanah berkeluasan 2.14 ekar. Kediaman RUMAWIP ini ditawarkan pada harga RM300,000 seunit dengan keluasan 850 kaki persegi serta didatangkan dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) petak tempat letak kereta.
6. Seperti semua sedia maklum, Syarikat UEM Sunrise adalah sebuah syarikat pemaju perumahan terkenal dan telah banyak membangunkan kondominium-kondominium mewah di serata Mont' Kiara dengan penekanan yang tinggi kepada aspek kualiti. Saya berkeyakinan penuh bahawa pihak UEM Sunrise akan memastikan pembangunan Kondominium Kiara Kasih ini turut diberi penekanan

yang sama kepada aspek kualiti sebagaimana yang dilaksanakan bagi projek-projek kondominium yang lain.

7. Permohonan bagi projek Kondominium Kiara Kasih ini mulai dibuka melalui Portal RUMAWIP pada 29 Januari 2018. Sepanjang permohonan tersebut dibuka, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menerima 1,426 permohonan dimana sekitar 150 permohonan daripadanya telah mengemukakan dokumen permohonan mereka untuk tapisan bagi sesi pengundian kali ini. Dijangkakan jumlah pemohon yang akan mengemukakan dokumen permohonan akan meningkat untuk fasa penawaran seterusnya.
8. Justeru, tuan-tuan dan puan-puan para pembeli yang hadir pada hari ini sebenarnya amat bertuah kerana telah berjaya dalam tapisan yang dijalankan bagi membeli kondominium Kiara Kasih ini.
9. Dengan harga RM300,000 sahaja, kediaman yang terletak bersebelahan dengan kawasan Mont' Kiara yang elit ini, para pembeli akan dapat menikmati kemudahan bertaraf kondominium seperti seperti kolam renang, gimnasium, kawasan barbeku, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna, surau serta pelbagai kemudahan lain yang akan memberikan keselesaan kepada penghuninya.
10. Selain itu, lokasi Kondominium Kiara Kasih ini juga berada di kawasan persekitaran yang amat strategik dengan pelbagai kemudahan seperti

masjid, sekolah, bank-bank perdagangan, kedai-kedai serbaneka dan pelbagai lagi kemudahan yang ada.

11. Kemudahan akses bagi projek ini juga amat memudahkan perhubungan terutamanya dengan adanya stesen Komuter terdekat iaitu Stesen Komuter Segambut serta akses jalan raya di sekitar lokasi ini seperti Lebuhraya SPRINT, NKVE dan Jalan Duta. Justeru, saya percaya projek ini menawarkan kediaman pada harga yang amat berpatutan jika diambilkira segala faktor kemudahan dan akses perhubungan sekitar kediaman Kiara Kasih ini.
12. **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**
13. Saya difahamkan bahawa UEM Sunrise sangat menitik beratkan kebajikan dan pembangunan masyarakat setempat yang terlibat di dalam lingkungan tapak projek mahupun tanah simpanan mereka.
14. Usaha mereka ini sangat kami alukan, kerana keperihatinan pihak syarikat yang sebegini akan memberi impak positif dan lestari kepada komuniti setempat terutamanya kepada mereka yang mempunyai impian untuk bermastautin dan membina kehidupan di Kuala Lumpur.
15. Jika dibuat perbandingan harga pasaran semasa, projek Kondominium Kiara Kasih ini sebenarnya dijual jauh di bawah paras harga pasaran iaitu RM353 sekaki persegi berbanding pembangunan persekitaran berdekatan seperti di Mont' Kiara dan lain-lain yang dijual

pada harga paling rendah RM1,176 sehingga ke RM3,530 sekaki persegi.

16. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan boleh membayangkan betapa besarnya sumbangan yang diberikan Kerajaan dalam menyediakan perumahan yang memberi penambahan nilai hartanah yang mungkin sekali ganda daripada harga yang dibeli tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini.
17. Terima kasih dan syabas kepada syarikat UEM Sunrise kerana bersama-sama dengan Kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan. Usaha sebegini wajar dicontohi lebih banyak lagi pemaju lain supaya hasrat kita untuk memperbanyakkan lagi kediaman RUMAWIP yang berkualiti, selesa untuk didiami dan menitikberatkan aspek kemudahan sosial dapat direalisasikan.
18. **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**
19. Projek ini akan memulakan fasa pembinaan pada tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2022 nanti. Dengan reputasi dan rekod baik Syarikat UEM Sunrise, saya yakin pembangunan Kondominium Kiara Kasih ini akan berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya menepati sasaran RUMAWIP untuk menyediakan kediaman selesa khususnya bagi tuan-tuan dan puan-puan bakal pembeli sekalian.

20. Seperti semua projek RUMAWIP lain, projek Kiara Kasih ini juga akan terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10 tahun bagi membendung spekulasi hartanah daripada berlaku tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasaran iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman sendiri.
21. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian bakal pemilik RUMAWIP ini supaya mematuhi moratorium yang telah Kerajaan tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah hartanah ini kerana manfaatnya bukan sahaja untuk kita bahkan untuk masa depan anak cucu kita kelak.
22. Kerajaan amat berhasrat agar rakyat dapat memiliki dan menyimpan hartanah yang mempunyai nilai pasaran yang amat tinggi pada masa hadapan. Justeru, sukacita saya menyeru kepada semua pembeli RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih ini agar terus menyimpan dan memiliki unit rumah masing-masing sebaiknya.
23. **Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**
24. Dengan sukacitanya pada hari ini juga saya ingin mengumumkan bahawa pencapaian RUMAWIP dan PPA1M telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sehingga Februari 2018, kita telah berjaya mencapai sebanyak **88,917 unit** atau **111%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020. Pencapaian ini merangkumi projek di bawah kategori “Siap”, “Dalam

Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan”. Pembangunan RUMAWIP dan PPA1M ini melibatkan 124 buah projek yang telah diluluskan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 8,824 unit melibatkan 15 projek telah siap dibina dan sedia untuk diduduki.

25. Kementerian Wilayah Persekutuan amat berbesar hati dengan pencapaian ini dan sudah pasti para pembeli amat teruja untuk mendiami rumah mereka kelak dan ia selaras dengan hasrat Kerajaan untuk rakyatnya memiliki rumah sendiri.
26. Bagi tahun 2018 ini, akan ada banyak lagi projek-projek RUMAWIP di lokasi strategik yang akan dibuka kepada rakyat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama mempromosikan inisiatif RUMAWIP ini supaya golongan sasaran yang berkelayakan dapat merebut peluang mendapatkan kediaman RUMAWIP di lokasi yang dihasratkan kelak.
27. Kepada mereka yang berminat untuk membeli kediaman RUMAWIP, segeralah berdaftar di portal rasmi RUMAWIP. Terdapat banyak lagi projek-projek RUMAWIP lain yang masih dibuka untuk jualan. Rebutlah peluang keemasan ini sementara Kerajaan masih menyediakan kediaman mampu milik di ibu kota ini. Jadikan aset untuk diri dan keluarga kerana kami yakin setiap projek yang dibangunkan pastinya memberi keuntungan kepada para pembeli.



28. Untuk itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL dan terutamanya UEM Sunrise di atas kesediaan mereka untuk membantu Kerajaan dalam menjayakan program rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  
29. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Unit RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih.**
  
30. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.